

Reformasi perlu dirunding secara baik dengan parti komponen lain

Anwar mahu perubahan dibuat bijaksana, ambil kira kedudukan semua pihak

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Hulu Selangor: Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan sebarang usaha untuk melakukan reformasi diperjuangkan Pakatan Harapan (PH) dan PKR sejak dari dulu, perlu dirunding dengan baik dan secara musyawarah dengan parti komponen lain dalam Kerajaan Perpaduan.

Menjawab gesaan segelintir ahli PKR yang menuntut reformasi dilaksanakan segera dan menyeluruh, Perdana Menteri berkata, perubahan mesti dilakukan, namun perlu dibuat secara bijaksana, mengambil kira kedudukan dan keutamaan setiap parti.

"Kadang-kadang kita lupa, kalau KEADILAN ada 30 kerusi, PH 82 kerusi tapi kita bicara macam kita kawal 222 kerusi Parlimen.

"Kita kena ingat, perubahan mesti dilakukan tapi mesti waras dan bijaksana, mesti faham ha-

rus runding dengan baik, musyawarah dalam kalangan pimpinan semua parti.

"Ini bukan mudah kerana masing-masing parti ada keutamaan mereka, jadi kita harus mengemudi dengan bijak.

"Bagaimanapun, satu hal yang tidak boleh kita sangkal, kita tegas bawa perubahan, tolak rasuah, penyelewengan dan keangkuhan," katanya ketika berucap pada program Hari Keluarga dan Rapat Reformis Kebangsaan 2026, di sini, semalam.

Anwar yang juga Pengerusi PH dan Presiden PKR, mengakui kerajaan pimpinan beliau masih berdepan masalah untuk melakukan perubahan, terutama apabila persoalan mengenai kaum sering dibangkitkan.

"Apa ditakutkan, soal Cina (oleh Melayu) dan sesetengah orang Cina, dia fikir masalah sekolah Cina sahaja, tiada isu lain dan sesetengah orang India pun begitu.

"Sebab itu kita harus ajak Melayu, Cina, India, (kaum) Sabah, Sarawak, boleh bawa isu mereka tetapi lihat dalam kerangka besar Malaysia," katanya.

Bidas pembangkang
Perdana Menteri turut membidas pembangkang yang sering mengkritik kerajaan mengenai reformasi, sedangkan mereka tidak melakukannya ketika men-



Anwar menerima cenderamata pada program Hari Keluarga dan Rapat Reformis Kebangsaan 2026 di Hulu Selangor, semalam.
(Foto Raihana Mansor/BH)

tadbir negara.

"Saya tidak mahu ikut penganjuran orang yang sudah lama jadi Perdana Menteri atau menteri. Bila ada kuasa, tidak buat apa-apa tapi bila tidak ada kuasa,

berleter hari-hari. Itu cabaran untuk kita yang berkuasa.

"Orang biasa dengan rasuah tidak mungkin menerima kita dengan baik. Orang yang mendukung perasuah tidak mungkin

akan senang dengan kita.

"Orang yang menceroboh kebebasan badan kehakiman tidak akan senang dengan keputusan bebas daripada badan kehakiman," katanya.